

**MATA PELAJARAN VOKASIONAL (MPV) DI SEKOLAH MENENGAH
HARIAN:
PENYEDIAAN GURU MPV, ISU DAN CABARAN**

**Kandar bin Selamat,
Yahya bin Buntat,
Muhammad Rashid bin Rajuddin**
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak

Kertas konsep ini menjelaskan mata pelajaran baru dalam elektif Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) di sekolah menengah akademik yang dikenali sebagai mata pelajaran vokasional (MPV), fasa pelaksanaan dan syarat kombinasi mata pelajaran elektif dalam PTV. Sebagai mata pelajaran berasaskan kompetensi; dalam kesemua aspek termasuk pengubalan bahan kurikulum, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran serta pentaksiran haruslah memberi tumpuan untuk menepati keperluan pendidikan berasaskan keterampilan (competency base education/CBE). Fokus utama adalah kupasan mengenai keperluan guru MPV serta isu dan cabaran terhadap institusi pendidikan guru dalam penyediaan guru MPV yang dapat menepati keperluan CBE.

Pengenalan

Walau pun ianya dikonsepsikan sebagai Teknologi Perindustrian (TP), dan pada peringkat kelahirannya diberi timangan sebagai Kemahiran Asas Industri (KAI) tetapi didaftarkan sebagai Mata Pelajaran Vokasional (MPV). Sebagai satu kesinambungan atau kelangsungan, MPV adalah peluasan kepada mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu di tingkatan 1 hingga 3 di sekolah menengah rendah. Kurikulum MPV digubal dan ditokok tambah dengan kemahiran-kemahiran yang menjurus kepada bidang yang boleh memberi peluang kepada pelajar untuk menceburi alam pekerjaan selepas tamat persekolahan. Dengan memperkenalkan MPV dipercayai ianya boleh meningkatkan peratus penyertaan murid dalam bidang sains dan teknologi ke arah dasar 60:40.

Latarbelakang

Pelancaran Mata Pelajaran Vokasional di Sekolah Menengah Akademik (MPV) pada tahun 2002 di sekolah-sekolah akademik menengah atas merupakan satu inovasi besar Kementerian Pendidikan Malaysia. Sebelum mata pelajaran bercorak vokasional ditawarkan kepada pelajar di sekolah menengah akademik, mereka terpaksa memohon di

SMT/V yang tempatnya agak terhad. Kadar penyertaan pelajar di SMT/V ialah tujuh peratus daripada jumlah enrolmen kohort Tingkatan 4, iaitu satu angka yang rendah berbanding kadar penglibatan murid di negara-negara maju seperti Jerman, Perancis dan Itali meliputi penyertaan melebihi 60 peratus (Ahmad Sipon, 2001). Bagaimanapun Akta Pendidikan 1996 dalam Bab 7, Seksyen 36 dengan jelas meletakkan pendidikan vokasional termasuk di bawah pendidikan teknik, dan pendidikan teknik merangkumi;

- (a) Latihan kemahiran
- (b) Latihan khusus yang berhubungan dengan pekerjaan tertentu
- (c) Latihan bagi meningkatkan kemahiran yang sedia ada, dan
- (d) Apa-apa latihan teknik atau vokasional yang diluluskan

Menteri Pendidikan juga mempunyai kuasa untuk mengadakan sebarang bentuk latihan vokasional di sekolah menengah akademik. Inisiatif ini juga dilihat dapat menyumbang dan meluaskan akses dan meningkatkan ekuiti penglibatan pelajar dalam kerjaya bidang vokasional dan teknikal yang sangat diperlukan negara. Sasaran 33% oleh Kementerian Pendidikan supaya daripada kohort tingkatan 4 dan tingkatan 5 di sekolah menengah akademik dan SMT/V dapat mengambil mata pelajaran teknik dan vokasional menjelang tahun 2010.

Mata pelajaran dan Bidang MPV

Matlamat mata pelajaran vokasional ini ialah untuk melahirkan pelajar yang “berkemahiran dalam bidang usaha yang relevan dan bermakna untuk membolehkan

mereka mendapatkan pekerjaan, memulakan perniagaan atau meneruskan latihan diperingkat yang lebih tinggi’ (PPK - Edisi 2, Oktober 2001). Kurikulum MPV menghasratkan bagi melahirkan pelajar berkemahiran dalam bidang usaha yang relevan dan bermakna untuk membolehkan mereka mendapat pekerjaan sendiri dan meneruskan latihan ke peringkat yang lebih tinggi. Ianya adalah kurikulum berbentuk kontekstual yang boleh memberi peluang kepada pelajar mengaplikasikan ilmu menerusi aktiviti ‘hands-on’ yang berguna dalam kehidupan harian dan alam pekerjaan (Plan Induk MPV di Sekolah Harian Bagi Tahun 2002 – 2003 PPK, Januari 2003).

Program MPV ditawarkan secara berperingkat sehingga 22 mata pelajaran kemahiran dalam lima bidang usaha dilaksanakan berperingkat selama empat fasa mulai tahun 2002 hingga tahun 2005 (Jadual 1).

Jadual 1: Jadual Pelaksanaan Mata Pelajaran Vokasional

Tahun Pelaksanaan	Mata Pelajaran Vokasional Di Sekolah Menengah Akademik	Bidang Usaha
Tahun 2002 (Fasa 1)	1. Pembinaan Domestik	Pembinaan
	2. Membuat Perabot	Pembinaan
	3. Seni Reka Tanda	Pembinaan
	4. Menservis Peralatan Elektrik Domestik	Kejuretaraan/Perkhidmatan

	5.	Rekaan dan Jahitan Pakaian	Ekonomi Rumah Tangga
	6.	Katering dan Penyajian	Ekonomi Rumah Tangga
	7.	Landskap dan Nurseri	Pertanian
	8.	Tanaman Makanan	Pertanian
Tahun 2003	9.	Produksi Multimedia	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
<i>(Fasa 2)</i>	10.	Grafik Berkomputer	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
Tahun 2004	11.	Pendawaian Domestik	Kejuruteraan/Perkhidmatan
<i>(Fasa 3)</i>	12.	Menservis Automobol	Kejuruteraan/Perkhidmatan
	13.	Menservis Perlatan Penyejukan dan Penyaman Udara	Kejuruteraan/Perkhidmatan
	14.	Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak	Ekonomi Rumah Tangga
	15.	Hiasan dalaman Asas	Ekonomi Rumah Tangga
	16.	Penjagaan Muka dan Dandan	Ekonomi Rumah Tangga
	17.	Pemerosesan Makanan	Ekonomi Rumah Tangga
	18.	Akuakultur dan Haiwan Rekreasi	Pertanian
Tahun 2005	19.	Menservis Motosikal	Kejuruteraan/Perkhidmatan
<i>(Fasa 4)</i>	20.	Perkhidmatan Penjagaan Geriatrik	Kejuruteraan/Perkhidmatan
	21.	Kimpalan Gas dan Arka	Kejuruteraan/Perkhidmatan
	22.	Kerja Paip Domestik	Pembinaan

Pelajar boleh mengambil satu atau lebih MPV dengan mat-mata pelajaran teras SPM. Mereka juga boleh membuat kombinasi dengan mata pelajaran elektif lain dalam elektif pendidikan teknik dan vokasional seperti perdagangan, Pendidikan Seni atau Reka Cipta. Bagaimanapun pelajar tidak dibenarkan untuk membuat kombinasi dengan mata pelajaran elektif seperti yang diterangkan dalam Jadual 2. Sementara itu setiap kelas amali dikendalikan dalam jadual waktu sekolah (mengikut kesesuaian jadual) bagi 20 – 25 orang pelajar. MPV diperuntukkan 12 waktu seminggu kecuali mata pelajaran ‘Produksi Multimedia’ dan ‘Grafik Berkomputer’ yang dikendalikan dalam masa lapan waktu.

Jadual 2: Kombinasi Antara Matapelajaran Bidang Usaha dalam PTV dengan Elektif Bidang Teknik dan Vokasional

Bil.	Bidang/Asas Pelajaran Vokasional	Mata	Contoh Mata pelajaran Elektif Tidak Dibenarkan Ambil bersama MPV
1.	Pembinaan, Pembuatan & Kejuruteraan		Teknologi Kejuruteraan Lukisan Kejuruteraan
2.	Ekonomi Rumah Tangga		ERT
3.	Pertanian		Sains Pertanian

4. Teknologi Maklumat dan Teknologi Maklumat Komunikasi

Keperluan Guru MPV

Satu plan induk MPV telah disediakan melalui satu bengkel penyediaan plan induk pada 29 hingga 31 Januari 2002 yang melibatkan perancang, penggubal dan pelaksana kurikulum dari bahagian-bahagian Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pengetua serta guru sekolah. Plan induk MPV bertujuan menyediakan perancangan yang bersepadu dan menyeluruh selaras dengan hasrat dan keperluan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Pembangunan Pendidikan 2001-2010. Di antara objektifnya disebutkan untuk 'memantapkan lagi persediaan prasarana, tenaga pengajar dan pentaksiran secara lebih sistematik dan berkesan'.

Perancangan Kementerian Pendidikan Malaysia bagi penyediaan guru adalah meliputi tiga pendekatan berbeza. Pada peringkat awal pelancaran MPV, Pusat Perkembangan Kurikulum, KPM dipertanggungjawabkan melaksanakan kursus orientasi kepada guru-guru yang mengajar pada tahun 2002. Bahagian Pendidikan Guru pula melatih guru-guru mulai tahun 2002 dalam Program KPLI dan keluaran sulung guru permulaan program ini telah mulai mengajar di sekolah-sekolah pada tahun 2003. Institusi pengajian tinggi seperti Kolej Universiti Tun Hussein Onn, Universiti Teknologi Malaysia akan dilibatkan dalam persediaan guru dalam jangka masa panjang. (Ahmad Sipon, 2001). Adalah menarik untuk melihat unjuran sekolah, kelas dan murid bagi mata pelajaran vokasional yang diunjurkan dar tahun 2002 hingga 2005, seperti terdapat dalam Jadual 3 (Plan Induk MPV di Sekolah Harian Bagi Tahun 2002 – 2003 PPK, Januari 2003).

Jadual 3: Unjuran Sekolah, Kelas dan Murid Bagi MPV (2002 – 2003)

Tahun	Bilangan Sekolah			Bil. Kelas dan Murid					
	Tg. 4	Tg. 5	Jum	Tg. 4		Tg. 5		Jumlah	
2002	105	-	105	203	4,400	-	-	203	4,400
2003	208	105	208	367	8,575	203	4,400	570	12,975
2004	345	208	345	531	12,675	367	8,575	898	21,250
2005	497	345	497	683	16,475	531	11,675	1,214	29,150

- Nota:
- (1) Bilangan sekolah tersebut tidak termasuk sekolah baru dalam RM ke 8
 - (2) Bilangan sekolah pada tahun 2002 (105) termasuk SM Pendidikan Khas, Pulau Pinang.
 - (3) Setiap sekolah dirancang mengendalikan dua MPV dan setiap kelas menempatkan 25 murid (maksimum)
 - (4) Bilangan kelas adalah bilangan kelas mata pelajaran.

Program penyediaan guru-guru MPV oleh BPG dilaksanakan melalui dua kaedah iaitu;

- (i) Kursus Jangka Pendek KDP (14 minggu)

(ii) Kursus Jangka Panjang KPLI Praperkhidmatan (1 tahun)

Unjuran guru baru MPV mengikut keperluan pelbagai mata pelajaran mulai tahun 2002 hingga 2005 adalah berasaskan kepada norma perjawatan dua guru bagi setiap kelas MPV seperti yang diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam berkuasa mulai tahun 2002 (Plan Induk MPV di Sekolah Harian Bagi Tahun 2002 – 2003 PPK, Januari 2003). Dengan bilangan kelas sebanyak 1,214 buah, bilangan guru MPV diperlukan pada 2005 menjangkau 2,428 orang. Mengambil kira guru-guru yang akan bersara, persaraan awal, melanjutkan pelajaran dan lain-lain sebab, pengambilan berterusan guru MPV perlu dirancang.

Pelaksanaan MPV tahun 2002 memperlihatkan penambahan bebanan tugas guru Kemahiran Hidup, Ekonomi Rumah Tangga kerana pengajaran mata pelajaran ini

diletakkan ke atas bahu mereka. Dalam keadaan tertentu mereka sangat-sangat mengharapkan kursus peningkatan kemahiran berkaitan kerana MPV seharusnya diajar oleh guru yang benar-benar terlatih dan terbukti menguasai sesuatu bidang kemahiran. Lebih ketara lagi perjawatan guru MPV boleh terjejas kerana terdapat 46% guru bukan siswazah (92 daripada 200 orang guru MPV) yang mahir mengajar MPV di sekolah pelaksanaan 2002, diketahui mereka ini sukar dikekalkan di sekolah menengah apabila dasar guru siswazah ditetapkan mengajar di sekolah menengah. (Plan Induk MPV di Sekolah Harian Bagi Tahun 2002 – 2003 PPK, Januari 2003).

Isu dan Cabaran

1. Penyediaan guru MPV berdasarkan bidang pengkhususan mengikut mata pelajaran MPV diperingkat ijazah pertama jelas menjadi keutamaan. Bagaimana pun sebagai langkah awal penawaran kursus bagi mata pelajaran berkaitan boleh dilaksanakan dengan menawarkan mata pelajaran baru dalam program sedia ada di jabatan/fakulti tertentu di institusi pengajian tinggi. Mata pelajaran di peringkat universiti boleh bersifat 'teras', 'mata pelajaran wajib' atau 'elektif'. Orientasi pelaksanaan kursus haruslah bercorak 'competency based' dan modular supaya pendedahan terhadap 'proses pengajaran dan pembelajaran MPV sebenar' dapat diterapkan.

2. Proses pengajaran dan pembelajaran MPV menekankan pembelajaran masteri dan kompetensi. Penggunaan modul pembelajaran memastikan pelajar dapat menguasai sesuatu tugas dalam sesuatu kompetensi, sebelum mereka bergerak ke tugas yang baru. Oleh itu selain aspek kemahiran yang perlu dikuasai oleh seseorang guru MPV, mereka juga perlu mempunyai kemahiran mengajar pembelajaran berasaskan keterampilan (competency base learning). Kaedah mengajar yang menekankan pedagogi konvensional adalah tidak lagi sesuai.

3. Pada masa yang sama kepentingan menekankan keperluan 'kemahiran bukan teknikal' atau 'employability skills' perlu diambil kerana kompetensi adalah satu unit tugas (task) yang mengintegrasikan pengetahuan teknikal, kemahiran dan sikap dalam

menggunakan alat, bahan, keselamatan dan kaedah atau teknik untuk menyempurnakan tugas (duty) yang berkaitan dengan sesuatu pekerjaan. Ini selaras dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh McDaniels, 1992 di mana antara kemahiran 'employability' yang diperlukan oleh majikan termasuklah, berdiskari, jujur, kemas, menepati masa, keupayaan berhubung secara berkesan, keupayaan bekerja dalam satu kumpulan, bercita-cita tinggi, mempunyai etika kerja yang baik, setia dan juga dapat membuat pengubahsuaian. Oleh itu kurikulum pendidikan guru MPV perlu menyediakan peluang mempraktikkan kemahiran 'employability' seperti di atas.

4. Perubahan ketara dalam melaksanakan pentaksiran MPV dalam SPM memperlihatkan satu lagi inovasi dalam pentaksiran yang diperkenalkan. MPV menjadi satu lagi medan ujian kepada pakar pentaksir dengan mengetengahkan Sistem "Hurdle" (Rujuk Lampiran 1) . Pentaksiran MPV dibahagikan kepada dua jenis pensijilan iaitu *pensijilan modular* yang mengiktiraf pencapaian murid dalam sesuatu keterampilan dan *pensijilan terbuka* SPM. Sistem pentaksiran kompeten yang dilaksanakan lebih fleksibel, *individualized* dan mampu mempertingkatkan pembelajaran murid yang dinamakan sebagai Pentaksiran Kompetensi-Pensijilan Modular (PK-PM) (Hassanor Othman, 2003). Sementara itu kaedah pentadbiran pentaksiran adalah berasaskan sekolah dan pusat. Oleh itu keperluan menyediakan guru yang dapat menguasai kaedah pentaksiran berasaskan keterampilan (competency base assessment) adalah menjadi kemestian.

Kesimpulan

Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional, Fakulti Pendidikan UTM khususnya diperlihatkan mempunyai tanggung jawab utama dalam menyahut cabaran ini. Melalui beberapa kertas kerja, ucapnama Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Jabatan Teknikal Kementerian Pendidikan dan Plan Induk MPV di Sekolah Harian Tahun 2002 – 2003, PPK dengan jelas menunjuk bahawa Universiti Teknologi Malaysia perlu memainkan peranan dalam menyediakan guru MPV. Selaras dengan orientasi kurikulum MPV menggunakan pendekatan modular dalam proses pengajaran dan pembelajaran secara 'competency-based' maka adalah wajar latihan yang melibatkan kursus mata pelajaran MPV dilaksanakan secara latihan berasaskan kompetensi (competency based training). Hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia membuka peluang kepada pelajar yang mengambil MPV untuk mengambil Sijil Kemahiran Malaysia (Kaedah Pentauliahan) bagi mereka yang berkesanggupan, membuka peluang para pelajar MPV ini ke alam kerjaya lebih cerah. Oleh yang demikian penyediaan guru MPV juga perlu selaras, dengan memberi peluang kepada mereka menyediakan diri mendapatkan Sijil Kemahiran Malaysia sekurang-kurangnya Tahap 2 di institusi pengajian.

Bahan Rujukan

Ahmad Sipon, (2001), Ucapnama: *Halatuju dan Cabaran Pendidikan Vokasional di Sekolah Menengah Akademik* , Seminar Kebangsaan Pendidikan Asas Vokasional, 7 – 10 November 2001. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.

Hassanor Othman (2003), Kertas Kerja: *Pentaksiran Kompetensi – Persijilan Modular Dalam Pentaksiran MPV di Sekolah Menengah Akademik* dalam Seminar Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan 2003 dari 5 – 8 Mei 2003, Kuala Lumpur: Lembaga Peperiksaan Malaysia.

Lembaga Penyelidikan Undang-undang (1999). Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) dan Peraturan-peraturan terpilih. Kuala Lumpur: International Law Book Series.

McDaniels, (1992). Summary of Visits to 670 Roanoke, Virginia Area Buisness Industry-government employers: Summer 1992. Roanoke Virginia Area Tech Prep Consortium

Pusat Perkembangan Kurikulum, (Oktober 2001) *Buku Penerangan dan Panduan Penawaran Mata Pelajaran Vokasional di sekolah Menengah Akademik Harian*, Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan.

Pusat Perkembangan Kurikulum, (Januari 2003), *Plan Induk MPV di Sekolah Harian Bagi Tahun 2002 – 2003*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.